

Headline	Khidmat masyarakat Taha@U erat hubungan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	21 Nov 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V8,9	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	836 cm <sup>2</sup>
Journalist	Diyana Anuar	AdValue	RM 28,303
Frequency	Daily	PR Value	RM 84,910



Peserta membersihkan lantai Masjid al Ihsan Kampung Darat pada program Khidmat masyarakat Taha@U.



# Khidmat masyarakat **Taha@U** erat hubungan

Oleh Diyana Anuar  
diyanah@berita.com.my

■ Padang Besar

Pembabitan penuntut universiti dalam program khidmat masyarakat bukan saja membolehkan mereka membantu masyarakat tapi turut mempertingkatkan kemahiran golongan ini berkemahiran golongan ini berkommunikasi dengan orang ramai.

Kemahiran berkommunikasi ini dapat membantu mereka menghadapi dunia bekerja selepas tamat pengajian nanti, khususnya bagi mereka yang mungkin bekerja dalam bidang yang memerlukan interaksi dengan pelanggan dan sebagainya.

Faktor itu jugalah yang mendorong 66 penuntut Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perlis yang juga ahli Kelab Taha@U untuk melakukan program khidmat masyarakat dengan bergotong-royong membersihkan kawasan Masjid al Ihsan, Kampung Darat, di sini, baru-baru ini.

Majlis pelancaran pro-

gram anjuran bersama Tabung Haji (TH) Perlis dan akhbar BH itu disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beseri, Datuk Mat Rawi Kassim dan turut dihadiri Timbalan Pengarah TH Perlis, Ahmad Hapizudin Abas.

**Manfaat pengalaman**  
Ahmad Hapizudin berkata, sehingga kini, terdapat 9,045 pelajar yang berdaftar dengan Kelab Taha@U di Perlis.

"Tahun depan kami menyasarkan kira-kira 3,000 lagi penuntut akan mendafat dan mentikam pelbagai kelebihan seperti diskawa pembelian buku, peluang menyertai seminar dan juga aktiviti

bersiadah seperti program kemasyarakatan yang diajak hari ini.

"Kita berharap penuntut akan menggunakan pengalaman yang diperoleh menerusi aktiviti hari ini untuk terus memberi sumbangan kepada masyarakat apabila meninggalkan alam pengajian nanti," kata beliau.

Bagi pelajar Ijazah Sarjana Muda Kewangan di UiTM Perlis, Nur Hamizah Saleh, 21, beliau melihat program khidmat masyarakat menerusi Kelab Taha@U yang disertaiinya ini sebagai ruang untuk mengeratkan hubungan sesama penuntut serta hubungan dengan masyarakat.

Peserta menyusun di-Qur'an dan majalah di Masjid al Ihsan



## 66 orang penuntut UiTM Perlis ahli Kelab Taha@U terlibat dalam program kemasyarakatan di Masjid al Ihsan, Kampung Darat

**Aktiviti**  
menyerokokkan.  
Katanya, aktiviti bergotong-royong beramal-ramai amat menyerokokkan dan kesempatan menyumbangkan tenaga untuk memperindah masjid di kampung itu memberi kepuasan tersendiri.

"Kalau boleh, saya ingin terus aktif dengan kerja amal seperti ini walaupun sudah bekerja nanti," kata Nur Hamizah.

Seorang lagi

pelajar jurusan

Kewangan UiTM

Perlis, Amirul

Pahmi Isomuddin, 21, berkata pendedahan dari segi berkommunikasi dengan masyarakat menerusi program itu begitu bermanfaat untuk pelajar bidang kewangan seperti.

"Berkhidmat dalam sektor kewangan tidak hanya memerlukan seseorang itu bertugas di pejabat semata-mata tetapi memerlukan mereka keluar dan bertemu orang raya jika kita terbabit dengan sesuatu projek atau pemasaran produk."

"Oleh itu, program sebegini boleh menjadi ruang yang baik untuk kami mengasai kemahiran komunikasi dan mendekati orang raya," katanya.

